

Samy rayu undi

Perwakilan MIC tentukan 'Pasukan Kita'

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim

KUALA LUMPUR: Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu menyeru 1,441 perwakilan ke pemilihan parti itu esok supaya mengundi pasukannya bagi menentukan MIC kekal relevan dan dihormati segenap lapisan masyarakat.

Merujuk kepada senarai calon 'pilihannya' sebagai 'Pasukan Kita', Samy Vellu berkata, hujahnya berdasarkan maklum balas daripada perwakilan ketika lawatannya ke seluruh negara baru-baru ini.

Beliau berkata demikian kepada RTM dan *Bernama* dalam satu temubual di sini, semalam.

Samy Vellu yang juga Menteri Kerjasama memilih Naib Presiden MIC yang juga Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk G Palanivel untuk mencabar penyandang Timbalan Presiden MIC, Datuk Subramaniam untuk jawatan nombor dua itu.

Jawatan lain untuk rebutan ialah tiga naib presiden dan 23 anggota Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC).

Dikenali sebagai 'Pasukan Presi-

den', barisan Samy Vellu termasuk penyandang, Datuk S Veerasingam dan Tan Sri KS Nijhar serta Setiausaha Agung, Datuk S Sothinathan bagi tiga jawatan naib presiden.

Samy Vellu menjelaskan beliau memilih pasukannya selepas melihat prestasi mereka dan mengambil kira kecemerlangan mereka, sambil berkata "Kita perlu perubahan... kita perlukan tenaga baru, pemikiran baru".

Sementara itu, bercakap kepada pemberita selepas menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

"Angin perubahan sudah tiba dan perwakilan terima pasukan saya demi penambahbaikan terhadap rakyat dan parti"

Samy Vellu
Presiden MIC

2005 kementeriannya di sini, semalam, Samy Vellu berkata, beliau tidak mempedulikan dakwaan Subramaniam bahawa wujud taktik kotor untuk menyingkirkannya daripada barisan kepimpinan pada pemilihan parti.

"Biar dia (Subramaniam) membuat apa saja dakwaan, saya tidak peduli," katanya ketika mengulas dakwaan Subramaniam bahawa berlaku 'ugutan politik' iaitu penyokong ditegah menemuinya ketika beliau turun ke kawasan serta hadir pada mesyuarat atau minum di pejabat MIC.

Malah Subramaniam dalam kenyataannya beberapa hari lalu berkata: "Wujud kenyataan yang kurang menyenangkan, kempen tak berbudaya dan mereka berusaha menggali kubur politik saya. Mereka (lawannya) mahu menjatuhkan saya dan menamatkan riwayat saya daripada aktif dalam arena politik."

Perhimpunan Agung ke-60 MIC kali ini disifatkan antara yang paling hangat dalam sejarah parti, selepas bekas Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna itu mencabar Samy Vellu untuk jawatan tertinggi parti pada 1989.